

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

RUJUKAN : 7257

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa terdapat ramai warga asing yang masih bekerja secara haram sebagai pengawal keselamatan dengan syarikat keselamatan walaupun Kerajaan telah memberi amaran supaya tidak lagi berbuat demikian.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengadakan operasi penguatkuasaan bersepadu yang berterusan bersama-sama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Ini untuk memastikan syarikat-syarikat kawalan keselamatan terutamanya dalam membanteras penggunaan pengawal keselamatan warganegara asing secara haram, menggunakan kad pengenalan palsu serta yang tidak menjalankan tapisan keselamatan terhadap pengawal keselamatan warga tempatan.

Sekiranya terdapat tangkapan yang melibatkan pengawal keselamatan asing yang tidak mempunyai permit kerja yang sah atau menggunakan kad pengenalan palsu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengambil tindakan tegas termasuklah menggantung atau membatalkan lesen syarikat kawalan keselamatan yang terbabit seperti yang termaktub di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.